

**SPESIFIKASI UNTUK PERKHIDMATAN PENGAWALAN PENCEMARAN LALAT  
MENGUNAKAN KAEDAH PARASITOIT DILADANG TERNAKAN AYAM BAGI TAHUN 2016**

**PENGENALAN :**

Lalat telah menjadi masalah di ladang ternakan di negara ini. Ia menyebabkan gangguan dan masalah sosial kepada penduduk di kawasan sekitar. Ia juga merupakan vektor serangga utama untuk penyakit berjangkit seperti taun dan kepialu.

Racun serangga kimia adalah kaedah utama yang digunakan untuk mengawal lalat. Namun begitu ia telah menyumbang kepada pembangunan rintangan dengan cepat terhadap bahan kimia tersebut. Ini telah menyebabkan program kawalan menggunakan racun tidak lagi berkesan.

Untuk mengatasi masalah ini, parasitoid mesti dikeluarkan secara besar-besaran untuk dilepaskan di lapangan. Keputusan kajian makmal menunjukkan bahawa parasitoid boleh dihasilkan secara komersial untuk program kawalan lalat rumah. Projek ini akan memberi tumpuan kepada pengeluaran parasitoid secara besar-besaran untuk dilepaskan di lapangan bagi mengawal masalah lalat yang berterusan.

**SPESIFIKASI MENGAWAL PENCEMARAN LALAT MENGGUNAKAN KAEDAH PARASITOIT:**

1. Lokasi	: KAWASAN HOT SPOT SEBERANG PERAI, PULAU PINANG : PENTERNAKAN AYAM
2. Pelaporan	: Laporan hendaklah diserahkan dalam bentuk:- i. "Softcopy" dan "hardcopy" ii. Gambar-gambar bukti perkhidmatan dan berkaitan yang dijalankan iii. Perakuan oleh penternak dimana kerja kawalan dijalankan
3. Perkhidmatan	Merangkumi :- i. Penyediaan Peralatan dan Kelengkapan ii. Perolehan Bahan Mentah iii. Penyediaan Lalat dan Parasitoid untuk tujuan pengeluaran iv. Kawalan kualiti dan pengoptimuman parasitoid dalam makmal v. Menyediakan pengangkutan yang sesuai untuk kerja lapangan vi. Pelepasan lapangan dan ujian keberkesanan parasitoid dalam mengawal lalat vii. Latihan viii. Perkhidmatan selepas Siap Projek ix. Pelaporan projek
4. Pembayaran	Bayaran perkhidmatan akan dilakukan sebanyak 2 kali dalam tempoh perkhidmatan

Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Negeri Pulau Pinang